

04 DEC 2001

Zakat-Khir

S'GOR GUNA PENDEKATAN "BETUL DAN CEPAT" URUS AGIHAN ZAKAT

SHAH ALAM, 4 Dis (Bernama) -- Kerajaan Selangor mengambil pendekatan "betul dan cepat" dalam hal-ehwal pentadbiran zakat terutama dari segi pengagihan wang zakat, kata Menteri Besar Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo.

Katanya Selangor tidak punya masalah besar daripada segi kutipan tetapi ingin berusaha lebih gigih lagi bagi melicinkan urusan pengagihan wang zakat itu kepada golongan yang memerlukan.

Sambil menyambut baik kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai kemungkinan Lembaga Urusan Zakat Malaysia (Luzam) ditubuhkan bagi menyelaraskan kutipan dan agihan wang zakat di negeri-negeri, Dr Mohamad Khir berkata ia boleh membantu institusi zakat untuk lebih telus.

Dr Mahathir dilaporkan berkata rungutan pihak tertentu yang mempersoalkan fungsi institusi zakat dalam aspek ketelusan pengagihan wangnya, mungkin ada kebenaran.

Dr Mohamad Khir berkata Selangor, pada masa yang sama, akan mengambil langkah mengurangkan karenah birokrasi dalam usaha melicinkan lagi urusan agihan wang zakat.

Beliau berkata demikian selepas istiadat penyerahan wafiah pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Datuk Abdul Aziz Mohamed Yusof sebagai Ahli Dewan Diraja Selangor oleh Sultan Sharafuddin Idris Shah.

"Urusan pentadbiran zakat dalam tempoh satu hingga dua tahun lepas di Selangor mungkin saya lihat perlu ditingkatkan keberkesanan daripada segi pengagihannya," kata Dr Mohamad Khir.

Beliau berkata para pegawai Pusat Zakat Selangor (PZS) dikehendaki turun padang membuat siasatan bagi menentukan mana-mana individu, keluarga yang berpotensi sebagai penerima zakat. PZS adalah agensi di bawah Majlis Agama Islam Selangor (Mais) yang melaksanakan kutipan zakat di Selangor.

"Setelah dipastikan mereka ini mengikut syarat dan termasuk dalam lapan asnaf yang telah ditentukan pihak Mufti Selangor, maka agihan wang zakat akan diberikan secepat mungkin," katanya.

Katanya di samping cara agihan yang menyeluruh, Selangor mengambil konsep bahawa wang zakat yang dikutip pada tahun tertentu perlu diagihkan pada tahun yang sama.

Jelas beliau, bagi mangsa bencana alam, mereka akan menerima bantuan apabila pegawai-pegawai PZS datang dengan segera dan bagi mangsa yang layak, yang rumah mereka musnah dipukul ribut taufan atau terbakar, akan menerima bantuan rumah baru dari wang zakat.

"Zakat, dengan erti kata lain adalah juga satu bentuk bantuan kewangan yang disalurkan kepada mana-mana pihak yang mengalami masalah kronik dan perlu bantuan segera," katanya.

Mengenai ketelusan pengagihan wang zakat, Dr Mohamad Khir berkata Mais telah melantik seorang wakil daripada Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) bagi mengawasi secara dekat urusan dan hal-ehwal pentadbiran zakat di negeri ini.

Beliau juga difahamkan cara pengurusan akaun wang zakat PZS adalah antara yang terbaik berbanding negeri-negeri lain.

-- BERNAMA

RIZ RON